

Mahathir tolak dakwaan kerajaan gagal serap nilai-nilai Islam

UM 28 MAY 1984

KUALA LUMPUR 27 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir hari ini menolak dakwaan bahawa kerajaan telah gagal dalam usahanya menerapkan nilai-nilai Islam kerana apa yang dijanjikan-nya di peringkat ini cuma mencarukannya dalam pentadbiran dan belum lagi secara menyeluruh.

Presiden UMNO itu berkata, kerajaan setakat ini melaksanakannya pada had itu kerana menyedari bahawa usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam secara menyeluruh dalam semua aspek bukan satu perkara yang mudah.

"Setakat ini kita baru mulai usaha itu dalam pentadbiran kerajaan dan kita tidak mengakui kita akan berusaha untuk menentukan setiap orang beragama Islam di negara ini akan

menerapkan nilai-nilai Islam terlalu besar dan tidak mungkin dicapai.

Menjelaskan demikian sebagai menjawab tuduhan - tuduhan mengatakan usaha kerajaan itu gagal semasa menggulung perbincangan di akhir perhimpunan agung UMNO di sini petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata usaha kerajaan itu sebenarnya satu langkah awal yang baru mula dilaksanakan dua tahun lalu.

"Dalam masa dua tahun ini sudah tentu kita hadapi bermacam-macam masalah. Kalau kita boleh mengatasi masalah-masalah ini sedikit demi sedikit. Kita sudah mencapai kemajuan.

Serentak dengan itu beliau menasihatkan rakyat khususnya ahli-ahli UMNO yang hendak mempamerkan

kelemahan - kelemahan yang ada supaya membuatnya dengan cara yang serius kerana mereka menyetujui satu dasar yang amat serius.

"Dasar penerapan nilai-nilai Islam bukan satu dasar yang mudah kerana mereka yang terpelajar dalam agama sekalipun kadang-kadang tidak begitu serius.

Beliau telah membangkitkan perkara sebagai menegur cara beberapa orang ahli perwakilan yang menggunakan perkataan-perkataan yang kurang manis dalam memperkatakan sesuatu perkara yang berkaitan dengan agama.

"Janganlah kita memainkan soalnya. Perkara ini serius, tegur mesti kita tegur sebab kita penuh kesalahan. Saya yakin dalam dua tahun kita cuba ini banyak kesalahan kita lakukan dan saya

datang ke depan majlis ini untuk mendengar teguran-teguran dan cara-cara mengatasi masalah.

"Ini kerana saya seorang dan saya yang dibantu oleh Majlis Tertinggi dan anggota kabinet yang beragama Islam tidak mungkin terfikir semua aspek," ujarnya.

Beliau juga mengingatkan ahli-ahli UMNO, parti pembangkang khususnya PAS akan mengambil kesempatan jika mereka tidak bersikap serius dalam soal penerapan nilai-nilai Islam ini.

"Saya khawatir jika kita tidak mempunyai semangat melawan mereka dan menegakkan Islam yang sebenar maka Islam yang cacat yang dianjurkan oleh PAS menjadi fahaman dan kepercayaan sebahagian besar penduduk negara ini," tegasnya.